


# Nilai Dalam Tindakan


SURIYAH SAPARI



“Baiklah murid-murid. Kamu diberi tiga puluh minit untuk mengambil gambar aktiviti-aktiviti yang dilakukan di sini. Pastikan kamu sentiasa bergerak bersama kumpulan kamu. Selepas itu, kita akan menjalankan program Nilai Dalam Tindakan pula,” kata Cikgu Lim.



Nabilah dan rakan-rakan sekelasnya baru tiba di Taman Labrador. Mereka dikehendaki menyiapkan projek kelas mereka mengenai aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan di taman itu sebagai kegiatan bersama keluarga. Kemudian, mereka akan meluangkan masa untuk membersihkan kawasan taman itu pula.



Selepas mengambil I-pad daripada Cikgu Lim dan Cikgu Syahira, Nabilah dan kumpulannya mula bergerak ke kawasan jeti di pantai itu. Kumpulan lain ada yang mengambil gambar kawasan barbeku, taman permainan dan sudut senaman di taman itu.

“Eh, Nabilah! Lihat di sana, ada orang memancing,” kata Kimberly sambil menunjuk ke arah jeti.

Sesampainya di jeti, mereka terlihat seorang lelaki memasang **umpan**. Lelaki itu tersenyum apabila melihat mereka. “Pak Cik, boleh kami ambil gambar peralatan



yang Pak Cik gunakan untuk memancing?” Nabilah meminta izin. Selepas menerangkan tujuan mereka mengambil gambar, Pak Cik itu memperkenalkan diri dan membenarkan mereka mengambil gambarnya.

“Ini hobi Pak Cik. Kadang kala, Pak Cik datang ke sini bersama keluarga, tetapi ada kalanya Pak Cik datang sendiri,” kata Pak Cik Johan.

“Pak Cik tidak memancing di sana?” tanya Nabilah sambil menunjuk ke bahagian kanan jeti itu.

“Terdapat beberapa bahagian kawasan di sini yang tidak dibenarkan memancing. Kawasan itu merupakan tempat **pemeliharaan** batu karang dan hidupan laut yang lain,” terang Pak Cik Johan lagi.

Selepas mendengar penerangan Pak Cik Johan, Nabilah dan kawan-kawan lain meminta diri untuk berjumpa guru mereka semula. Mereka tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Pak Cik Johan.

Semasa mereka berjalan ke arah Cikgu Lim, Nabilah terserempak dengan Andri dan kumpulannya. Mereka sedang bergurau sambil berkejar-kejaran.

“Andri, awak sudah selesai mengambil gambar?” tanya Nabilah. “Bukankah kita memakai pakaian seragam sekolah? Kita harus menjaga tingkah laku kita di tempat awam. Berhenti bermain sekarang!” tegur Nabilah lagi.

Andri hanya tersengih. Sebenarnya, dia telah menyuruh kawan-kawannya yang lain untuk mengambil gambar-gambar seperti yang diminta oleh Cikgu Lim sementara dia bermain kejar-kejar di kawasan taman itu.

Andri langsung tidak mengendahkan pertanyaan Nabilah lalu berlari ke arah taman permainan di situ. Namun, langkahnya terhenti apabila Cikgu Lim



meniupkan wisel untuk menandakan waktu mereka mengambil gambar sudah pun tamat. Dengan segera, semua murid berkumpul di hadapan Cikgu Lim.

“Murid-murid, sila simpan semua I-pad kamu di dalam beg ini. Kita akan teruskan dengan aktiviti membersihkan taman ini pula,” kata Cikgu Lim.

Semua murid mengikut arahan Cikgu Lim kecuali Kimberly. Dia yang terakhir memakai sarung tangan. Mukanya pula masam **mencuka** apabila Nabilah yang menjadi pasangannya pergi mengambil beg plastik hitam dan penyepit plastik.

“Mari kita bergerak ke bahagian jeti pantai ini untuk mengutip sampah,” kata Nabilah kepada ahli kumpulannya.





“Eh, saya tidak mahulah. **Jijiknya!** Saya mahu duduk di pondok itu sahaja untuk berteduh. Lagipun, saya panas dan penat selepas mengambil gambar tadi. Awak semua pergilah!” kata Kimberly sambil **menjuih**kan bibirnya.

Nabilah mendekati Kimberly dan cuba memujuknya. Dia mengingatkan Kimberly tujuan mereka melakukan kegiatan itu.

“Bukankah Cikgu Lim sudah mengingatkan bahawa kita ada tanggungjawab untuk sama-sama menjaga kebersihan tempat awam? Selain rumah dan sekolah, tempat awam juga perlu dijaga supaya dapat



digunakan dengan selesa oleh orang ramai, termasuk awak dan saya," pujuk Nabilah.

Kawan-kawannya yang lain juga mengangguk-angguk apabila mendengar penerangan Nabilah.

Kimberly terdiam. Akhirnya, dia turut serta membawa beg plastik hitam sambil mengutip kertas tisu, puntung rokok serta bungkusan makanan ringan yang dibuang sembarangan di taman itu. Semasa mereka mula seronok membersihkan taman itu, Nabilah dikejutkan dengan suara lantang Cikgu Syahira.

"Nabilah, beritahu kawan-kawan yang lain berhenti mengutip sampah. Tunggu di sini sehingga saya kembali," kata Cikgu Syahira tegas.

Nabilah **terpinga-pinga**. Dia memandangi rakan-rakannya yang juga kehairanan.

Rupa-rupanya, Andri kemalangan. Dia telah pergi secara senyap-senyap ke bahagian taman permainan untuk bermain buaian. Semasa dia berlari, kakinya tersandung lalu dia jatuh **tertumus**. Mulutnya berdarah.



Walaupun Nabilah berasa marah akan tindakan Andri yang tidak mendengar kata, timbul rasa belas apabila melihat Andri yang mengerang kesakitan semasa **dipapah** oleh Cikgu Syahira ke tempat mereka berkumpul.

“Mujur kita ada membawa kotak kecemasan. Cikgu Syahira, tolong rawat luka Andri. Murid-murid yang lain, sila beratur, kita akan pulang ke sekolah. Bas pun akan datang tidak lama lagi. Andri, usah risau. Saya akan hubungi ibu bapa kamu untuk memberitahu mereka tentang keadaan kamu,” kata Cikgu Lim.

Sejurus mendengar arahan Cikgu Lim, semua murid mengumpulkan beg plastik sampah lalu membuangnya di tempat yang disediakan.

Beberapa minit kemudian, Nabilah dan murid-murid lain sudah pun berada di dalam bas menuju ke sekolah. Dalam perjalanan, Andri masih

kelihatan **sugul**. Rakan-rakan yang duduk berdekatan dengannya cuba bergurau dengannya. Cikgu Syahira pula memastikan Andri berasa selesa.

Sejurus mereka tiba di sekolah, Andri dibawa ke pejabat sekolah. Ibu bapanya sedang menunggu.

“Cikgu Syahira, saya minta maaf,” kata Andri.

“Saya harap kejadian ini menjadi satu pengajaran kepada kamu. Ikutilah arahan dan jangan bertindak terburu-buru,” pesan Cikgu Syahira.

Andri hanya mengangguk lemah. Kemudian, Cikgu Syahira menyuruh ibu bapa Andri mendapatkan rawatan lanjut buat Andri di klinik berdekatan.



Selepas itu, Nabilah dan rakan-rakannya menolong Cikgu Syahira menyimpan semula peralatan yang mereka bawa tadi di dalam stor sekolah. Sebelum bersurai, mereka diminta mengisikan borang renungan tentang pengalaman mereka pada hari itu.



## Borang Renungan

---

*Saya sangat gembira kerana diberi peluang melakukan kegiatan ini. Walaupun saya berasa penat dan ada kalanya kurang selesa memungut sampah yang kotor, saya berpuas hati apabila melihat taman itu bersih. Saya **bertekad** untuk cuba menjaga kebersihan di tempat awam untuk keselesaan orang di sekeliling saya.*

*Nabilah*



# Glosari

---

<b>umpan</b>	sesuatu yang dilekatkan pada kail untuk menangkap ikan
<b>pemeliharaan</b>	menyelamatkan atau melindungi daripada bahaya
<b>mencuka</b>	bermuka masam kerana benci atau marah akan sesuatu
<b>jijik</b>	melihat atau tidak suka melihat sesuatu kerana kotor
<b>menjuihkan</b>	menganjurkan (bibir) ke bawah
<b>terpinga-pinga</b>	tercengang-cengang kehairanan
<b>tertumus</b>	jatuh tersembam, tersungkur
<b>dipapah</b>	dibantu bangun dengan memegang (menopang) tangannya
<b>sugul</b>	berasa dukacita atau susah hati
<b>bertekad</b>	berazam





## Trivia

Tahukah kamu?

Jika kamu ke Taman Labrador, kamu dapat melihat tapak perang yang bersejarah seperti kubu Perang Dunia ke-dua yang dibina pada tahun 1878 untuk mempertahankan perlabuhan Keppel.



## Aktiviti Bersama Keluarga

Kamu boleh meluangkan masa untuk pergi ke mana-mana taman di Singapura. Di sana, ambillah gambar pemandangan dan carilah sejarah disebalik terbinanya taman tersebut. Selamat beriadah!

